

612:

NEGARA-UNIVERSITI

1975

KUALA LUMPUR, 17 APRIL (BERNAMA)-KERAJAAN TIDAK AKAN BERGAMJAK SEDIKIT PUN DARI HASRATNYA UNTUK MELAKSANAKAN PINDAAN KEPADA AKTA UNIVERSITI DAN UNIVERSITI KOLEJ YANG MEMBOLEHKANNYA MENGAWAL DISIPLIN PELAJAR-PELAJAR.

MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED MEMBERITAHU DEWAN NEGARA HARI INI BAHAWA KERAJAAN AKAN TETAP DENGAN HASRATNYA ITU WALAUPUN MUNGKIN TERDAPAT SEBARANG TEKANAN DARI MANA PUN PIHAK SUPAYA PINDAAN-PINDAAN ITU DIMANSUHKAN.

BELIAU MENERANGKAN BAHAWA SEKARANG INI TELAH ADA URA-URA SETENGAH-SETENGAH KUMPULAN TERTENTU BERUSAHA MENDAPATKAN SIMPATI BEBERAPA BUAH NEGARA SUPAYA MENEKAN KERAJAAN MENGGUGURKAN PINDAAN-PINDAAN ITU DENGAN ALASAN IA TIDAK DEMOKRATIK.

TIDAK ADA SEBUAH NEGARA YANG BOLEH MENGATAKAN MEREKA MENGAMALKAN DEMOKRASI YANG SEBENARNYA.

+NEGARA-NEGARA LAIN ITU JUGA ADA DOSA MEREKA DALAM AMALAN-AMALAN DEMOKRASI DAN SAYA SANGGUP TUNJUKKAN KEPADA MEREKA DOSA-DOSA MEREKA ITU KALAU DIKEHENDAKI, + TAMBAHNYA.

DR. MAHATHIR BERUCAP DEMIKIAN KETIKA MEMBENTANGKAN RANG UNDANG-UNDANG UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI (PINDAAN). -- BERSAMBUNG HM 1825

615:

NEGARA-UNIVERSITI 2 KUALA LUMPUR

153

PINDAAN-PINDAAN ITU, KATANYA, ADALAH UNTUK KEPENTINGAN NEGARA, UNTUK MENJAGA KESELAMATAN DAN PEMBANGUNAN NEGARA TERMASUK MENJAYAKAN USAHA-USAHA KERAJAAN MEMPERSEIMBANGKAN KEDUDUKAN ANTARA KAUM.

ANTARA LAIN RANG UNDANG-UNDANG ITU MELARANG SEBARANG PELAJAR ATAU PERTUBUHAN PELAJAR BERSEKUTU DENGAN MANA-MANA PERSATUAN, PARTI POLITIK, KESATUAN SEKERJA ATAU MANA-MANA PUN PERTUBUHAN KECUALI YANG DIPERUNTUKAN OLEH PERLEMBAGAAN UNIVERSITI.

IA JUGA MELARANG PELAJAR-PELAJAR ATAU KUMPULAN-KUMPULAN MEREKA MENYOKONG, MEMBANGKANG ATAU PUN BERSIMPATI DENGAN MANA-MANA PARTI POLITIK ATAU PUN SEBARANG BADAN-BADAN LAIN.

SATU PERUNTUKAN LAIN MEMBOLEHKAN SEORANG PELAJAR YANG DITUDUH KERANA SESUATU KESALAHAN JENAYAH DIGANTUNG PELAJARANNYA DAN DIBUANG DARI UNIVERSITI KALAU TUDUHAN ITU SABIT.

LAIN-LAIN PERUNTUKAN ADALAH BERKENAAN DENGAN PERLANTIKAN TENAGA PENTADBIR SERTA PENTADBIRAN UNIVERSITI-UNIVERSITI.

DR. MAHATHIR MEMBERITAHU BAHAWA SEBELUM INI PELAJAR-PELAJAR DI UNIVERSITI-UNIVERSITI TIDAK BOLEH DIKAWAL DISIPLIN MEREKA HINGGAKAN DISIPLIN TELAH HILANG LANGSUNG DARI KAMPUS-KAMPUS.

PERNAH TERJADI PELAJAR-PELAJAR KERANA KURANG BERDISIPLIN TELAH MENGAMBIL ALEH UNIVERSITI, ADA YANG MENCALUNKAN DIRI SENDIRI MENJADI NAIB CANSOLOR DAN DEKAN-DEKAN. -- BERSAMBUNG HM 1825

617:

NEGARA-UNIVERSITI 3 KUALA LUMPUR

BEGITU TIDAK DISIPLINNYA SETENGAH DARIPADA MEREKA ITU HINGGA ADA YANG MEMBERI AMARAN KEPADA NAIB-CANSELOR UNTUK MENUTUP UNIVERSITI ITU KALAU TUNTUTAN MEREKA TIDAK DITERIMA.

+INI ADALAH SATU PERKEMBANGAN YANG TIDAK SIHAT, SATU PENYALAH-GUNAAN HARTA RAKYAT+ YANG TIDAK BOLEH DIBENARKAN BERTERUSAN DEMI KEPENTINGAN PELAJARAN DAPAT BERJALAN DENGAN SEMPURNA SEBAGAIMANA DIKEHENDAKI RAKYAT.

DR. MAHATHIR MENAFIKAN TUDUHAN SETENGAH-SETENGAH PIHAK PELAJAR DAN PENSYARAH KONONNYA PINDAAN ITU MENJEJAS KEBABASAN AKADEMIK.

MEREKA ITU KHAYAL SEOLAH-OLAH KAMPUS MERUPAKAN SUATU +TANAH HARAM+ YANG TERKELUAR DARI NEGARA, DI MANA APA PUN TERMASUK JENAYAH BOLEH BERLAKU TANPA DAPAT DICEGAH OLEH POLIS.

+INI JALAH SUATU PENDAPAT YANG NAIVE KERANA TIDAK TERDAPAT DI MANA-MANA UNIVERSITI PUN HAK DEMIKIAN ITU DIBERIKAN. KEBEBASAN AKADEMIK HANYALAH SETAKAT KEBEBASAN UNTUK BELAJAR BUKAN KEBEBASAN DARI JENAYAH.+

KERAJAAN, TEGASNYA, MEMANG MEMBERIKAN KEBEBABASAN BELAJAR ITU KERANA MANA-MANA PELAJAR PUN BOLEH MENGIKUTI SEBARANG PELAJARAN HATTA MENGENAI KOMUNISMA DAN MARXISMA SEKALI PUN.

TETAPI PELAJARAN ITU HANYALAH SETAKAT BELAJAR SAHAJA DAN BUKAN MENGAMALINYA KERANA AMALAN AJARAN-AJARAN ITU BERCANGGAH DENGAN UNDANG-UNDANG NEGARA DAN BOLEH DIDAKWA. -- BERSAMBUNG HM 1837

618:

NEGARA-UNIVERSITI 4 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR JUGA TELAH MENGHURAIKAN TENTANG TUNJUK-TUNJUK PERASAAN PARA PELAJAR YANG TELAH SEMAKIN MENJADI-JADI HINGGA MEMBERI PERASAAN BAHAWA KERAJAAN TAKUT KEPADA PELAJAR-PELAJAR SEBAB TELAH BEBERAPA KALI TUNDUK KEPADA TUNTUTAN-TUNTUTAN MEREKA.

KEADAAN DEMIKIAN ITU TIDAK DAPAT DIBIARKAN BERTERUSAN KERANA IA BOLEH MENGANCAM KESELAMATAN NEGARA DISAMPING BOLEH MENGGAGALKAN USAHA KERAJAAN MEMPERSEIMBANGKAN KEDUDUKAN PELAJARAN ANTARA KUAM. MENTERI ITU MENEGASKAN BAHAWA SEKIRANYA TUNJUK-TUNJUK PERASAAN OLEH PARA PELAJAR SEBAGAIMANA BERLAKU PADA 3 DISEMBER TAHUN LALU TIDAK DIKAWAL KEADAAN KUCAR-KACIR DAN MURU-HARA AKAN BERLAKU DALAM NEGARA.

BELIAU JUGA TELAH MENYEBUTKAN BAGAIMANA PARA PELAJAR ITU DIPERALATKAN OLEH ANASIR-ANASIR KOMUNIS UNTUK MENIMBULKAN KEADAAN DEMIKIAN ITU. -- BERSAMBUNG HM 1838

629:

NEGARA-UNIVERSITI 5 KUALA LUMPUR

154

GEWAKTU PERBAHASAN, SENATOR DATUK NIK HASSAN BIN NIK YAHYA BERKATA PENUNTUT-PENUNTUT TIDAK BOLEH DISALAHKAN 100 PERATUS MENGENAI KEGAGALAN DISIPLIN DAN KEJATUHAN MORAL DI UNIVERSITI-UNIVERSITI.

MENURUTNYA PENUNTUT-PENUNTUT TELAH DIBERI KEBEBASAN YANG PENUH UNTUK BERTINDAK KERANA AKTA MENGENAI UNIVERSITI PADA MASA YANG LEPAS DITIRU DARI NEGARA-NEGARA BARAT.

BELIAU MENYEBUT TENTANG ADANYA ORANG-ORANG POLITIK TERTENTU YANG MENGGUNAKAN PENUNTUT UNTUK NAIK KEATAS DAN MENJADI AHLI POLITIK YANG TERKENAL. BELIAU MAHU PERKARA INI JUGA DIKAWAL.

SENATOR DATUK NIK HASSAN JUGA MAHU KERAJAAN MENGAWASI KAKITANGAN AKADEMIK YANG MUNGKIN MENJALANKAN GERAKAN MENENTANG PERLAKSANAAN PERUNTUKAN RANG UNDANG-UNDANG YANG BARU ITU.

SENATOR DASIMAH DASIR BERKATA BELIAU TELAH MENGGESA SUPAYA PERUNTUKAN SEPERTI YANG DIBUAT SEKARANG SEJAK TAHUN 1969 LAGI.

BELIAU MAHU PELAKSANAAN UNDANG-UNDANG ITU KELAK DIJALANKAN DENGAN TEGAS TANPA MENGIRA SAMA ADA IA ANAK MENTERI ATAU ORANG-ORANG BESAR. -- BERSAMBUNG HM 1912

637:

NEGARA-UNIVERSITI 6 KUALA LUMPUR

SENATOR DR. LIM AH SITT BERKATA PENUNTUT-PENUNTUT PATUT MENUMPUKAN PADA PELAJARAN DAN TIDAK MENGAMBIL BAHAGIAN AKTIF DALAM POLITIK YANG BOLEH MEMESONGKAN TUJUAN MEREKA UNTUK MENDAPAT PELAJARAN TINGGI.

BELIAU MAHU MENTERI PELAJARAN SERING BERTEMU DENGAN PENUNTUT-PENUNTUT SUPAYA SEGALA MASALAH MEREKA DAPAT DI SELESAIKAN.

BELIAU JUGA MENYEBUT TENTANG KEMUNGKINAN BERLAKU KEGIATAN BAWAH TANAH JIKA TIDAK ADA KEBEBASAN BERSUARA DI KALANGAN PENUNTUT-PENUNTUT.

SENATOR DATO RAJA HONG CHIK BIN RAJA ISNAK JUGA MENCADANGKAN SUPAYA DIADAKAN UNDANG-UNDANG MENEGAH ORANG-ORANG PERSEORANGAN MENGGUNAKAN PENUNTUT-PENUNTUT.

BELIAU MENGINCATKAN PENUNTUT-PENUNTUT TERUTAMA BUKIMPURA BAHWA PELDANG MEREKA UNTUK MELANJUTKAN PELAJARAN KE UNIVERSITI ADLHAN HASIL USARA UMNO. -- BERSAMBUNG HM 1923

SENATOR DATO' HAJI AHMAD ARSHAD MENDAKWA ADA PEMIMPIN PELAJAR PERGI KE SEBUAH NEGARA JIRAN UNTUK MENDEPAT ILHAM BAGAIMANA DEMONSTRASI PELAJAR BARU-BARU INI PATUT DILANCARKAN. PEMIMPIN-PEMIMPIN PELAJAR TERSEBUT, KATANYE TELAH JUGA MENGGUNAKAN KULIAH SUBUH DI MASJID NEGARA BAGI MERANCANG STRATEGI DEMONSTRASI ITU.

BELIAU MENEGASKAN KERAJAAN HARUS MENGAWAL KEGIATAN KOMINIS DAN PIHAK ANTI-NASIONAL YANG CUBA MERANCUNI FIKIRAN PARA PELAJAR DENGAN TUJUAN UNTUK MENCABALKAN-BEGALA RANCANGAN PEMBANGUNAN BAGI KEPENTINGAN PERJUANGAN MEREKA.

BELIAU BERHARAP PINDAAN TERSEBUT AKAN MELIPUTI TINDAKAN DISIPLIN TERHADAP PARA PELAJAR YANG BERAMBUT PANJANG DAN MERAGIH BADAN.

SENATOR HAJI ABDUL RAHIM MANAN MENGGESA KEMENTERIAN PELAJARAN MENGAWASI KEGIATAN SETENGAH PENSYARAH YANG BERPOLITIK YANG MENURUTNYA BOLEH +MENGOTORI+ PEMIKIRAN PELAJAR DENGAN IDEOLOGI MEREKA.

PENSYARAH-PENSYARAH BERKENAAN, TEGAS BELIAU HENDAKLAH DIMINTA MELETAKKAN JAWATAN JIKA MEREKA INGIN BERGIAT DALAM POLITIK.

SENATOR HAJAH SALMAH SHEIKH HUSSAIN PULA MENGESYORKAN DISAMPING MENGADAKAN UNDANG-UNDANG YANG LEBIH KETAT KEATAS KEGIATAN PELAJAR, KERAJAAN PATUT JUGA MEMBERI PELUANG KEPADA PARA PELAJAR MEMBERI PENDAPAT DAN BUAK FIKIRAN YANG MEMBINA MENERUSI MAJLIS-MAJLIS FORUM DAN DIALOG DENGAN PEMIMPIN NEGARA.

BELIAU JUGA MAHU PELAJARAN UGAMA DIMASUKKAN DIDALAM SUKATAN PELAJARAN IUKAN SAHAJA DI PERINGKAT RE IDAN DAN MENENGGAH MALAHAN DI PUSAT-PUSAT PELGAJIAN TINGGI SUPAYA KAUM PELAJAR BOLEH MEMENTUK KEPERIB...
MEMENTUK KEPERIB...

SENATOR HAJI MOHAMED AMIN YAKUB YAKIN UNDANG-UNDANG BARI ITU KELAK AKAN DAPAT MENGELAKKAN KAMPUS UNIVERSITI-UNIVERSITI DAN PADA DIGUNAKAN SEBAGAI KAWASAN MELANCARKAN KEGIATAN ANTI KERAJAAN OLEH GULUNGAN ANTI NASIONAL.

SENATOR DATUK SYED KECHIK BIN SYED MOHAMEI BERKATA, KAUM PELAJAR TIDAK PATUT MENGAMBIL TINDAKAN LIAR SEPERTI MENGADAKAN TUNJUK PERAGAN BAGI MEMBERI PANDANGAN MEREKA KEPADA PIHAK BERKUASA.

BERLAINAN DENGAN SETENGAH-SETENGAH NEGARA DI MAMA RAKYAT JELATA DITINDAS OLEH PIHAK BERKUASA, RAKYAT MALAYSIA DIBERI BANYAK PELUANG DAN KEBEBASAN BUKAN SAHAJA UNTUK MEMBERIKAN PENDAPAT MALAHAN MEMILIH KERAJAAN MEREKA SENDIRI MELALUI PRINSIP-PRINSIP DEMOKRASI.

BELIAU MENYATAKAN PINDAAN KEPADA UNDANG-UNDANG YANG SEDIA ADA AMAT PERLU KERANA KERAJAAN MEMBELANJAKAN BERJUTA-JUTA RINGGIT WANG RAKYAT SETIAH TAHUN BAGI MEMBOLEHKAN PARA PELAJAR MELANJUTKAN PELAJARAN MEREKA.

KATANYA, JIKA PELAJAR-PELAJAR UNIVERSITI DIBERI KEBEBASAN YANG LUAS BESAR KEMUNGKINAN MEREKA AKAN BERTINDAK MELAMPAUI BATAS SEHINGGA BOLEH MEMBAHAYAKAN KESELAMATAN NEGARA SERTA MEROSAKKAN RANCANGAN PEMBANGUNAN BAGI FAEDAH RAKYAT JELATA. --
BERGAMBUNG RM 2030

155

643:

NEGARA-UNIVERSITI 9 KUALA LUMPUR

SENATOR HAJI OTHMAN ABDULLAH MENGESEYORKAN FARA PEMIMPIN KERAJAAN BERDAMPING LEBIH RAPAT DENGAN MAHASISWA-MAHASISWA SUPAYA MEREKA ITU AKAN BERSIMPATI DAN MENGETAHUI SESUATU LANGKAH KERAJAAN.

BELIAU MENDAKWA PARA PELAJAR TELAH DIGUNAKAN OLEH SETENGAH GOLONGAN POLITIK UNTUK KEPENTINGAN MEREKA.

PARA MAHASISWA JUGA TELAH MENDAPAT SALAH ANGGAPAN BAHAWA DENGAN ADANYA KEBEBASAN AKADEMIK MEREKA JUGA BEBAS DARI SEGALANYA HINGGA BOLEH BERTUTUR APA SAJA, SERTA MELAKUKAN KESALAHAN-KESALAHAN DI SISI UNDANG-UNDANG SEPERTI MEMANDU KERETA ATAU SKUTER TANPA LESEN ATAU MELAKUKAN KEGIATAN-KEGIATAN MAKSIAH DI DALAM KAMPUS TANPA DIGANGGU GUGAT.

BELIAU MENINGATKAN PELAJAR-PELAJAR BAHAWA KEBEBASAN MEREKA HANYALAH SETAKAT Mencari ILMU SAHAJA DAN TIDAK BEBAS DARI UNDANG-UNDANG NEGARA. -- BERSAMBUNG HM 2033

644:

NEGARA-UNIVERSITI 10 KUALA LUMPUR

SENATOR KAMARUL ARIFFIN BERASA SEDEH KERANA TERPAKSA MENYOKONG MELULUSKAN RANG UNDANG-UNDANG TERSEBUT.

BELIAU JUGA SEDEH KERANA PENUNTUT-PENUNTUT TELAH MENGHAMPAKAN HARAPAN NEGARA TERHADAP MEREKA DAN TIDAK MENGENANG FAEDAH YANG DIBERIKAN KEPADA MEREKA.

KATANYA, DEMONSTRASI BARU-BARU INI TELAH MENCEMARKAN NEGARA INI.

BELIAU BERKATA, MALAYSIA MASEH MEMBANGUN DAN MEMERLUKAN RAMAI PEMIMPIN, OLEH ITU PENUNTUT-PENUNTUT MESTILAH BELAJAR SUPAYA BOLEH MENJADI PEMIMPIN APABILA KELUAR KELAK.

KATANYA, RANG UNDANG-UNDANG TERSEBUT SESUAI BUAT MASA INI TETAPI BERHARAP BEBERAPA PERUNTUKAN DIDALAMNYA AKAN DAPAT DIUBAH PADA MASA AKAN DATANG. -- BERSAMBUNG HM 2036

MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED, DALAM JAWAPAN BERTULIS KEPADA SENATOR HAJI MOHAMED AMIN HAJI YAAKUB BERKATA KEMENTERIANNYA BERCADANG MENGADAKAN SEBUAH BILIK SEMBAHAYANG DI TIAP-TIAP BUAH SEKOLAH YANG BERU ATAU BANGUNAN SEKOLAH TAMBAHAN. -- BERSAMBUNG HM 1707